

12 MAR 2000

DR MAHATHIR DAN ABDULLAH DICALON DI BAHAGIAN SEPANG

SEPANG, 12 Mac (Bernama) -- Umno bahagian Sepang hari ini mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi masing-masing bagi jawatan presiden dan timbalan presiden pada pemilihan parti Mei ini.

Bagi jawatan Naib presiden, bahagian terbabit memilih Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Abu Hassan Omar, Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman dan Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak sebagai calon.

Mesyuarat pergerakan Pemuda dan Wanita Umno bahagian itu berlangsung pada sebelah pagi.

Pergerakan Pemuda mencalonkan Datuk Hishamuddin Hussein untuk jawatan Ketua Pemuda dan Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir untuk jawatan timbalan manakala pergerakan wanita pula mencalonkan Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman sebagai ketua dan Aionon Khariyah Mohd Abas, sebagai timbalan.

-- BERNAMA

AZH KM LAT